

# Dewan Masyarakat

Sosiobudaya • Politik • Ekonomi

ANALISIS  
KHAS

PRU-15

KERAJAAN  
PERPADUAN  
**HARAPAN  
RAKYAT**

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim  
Perdana Menteri Malaysia ke-10

Jilid 60 • Semenanjung Malaysia RM5.50 • Sabah/Sarawak RM6.00 • Brunei Darussalam B\$5.50 • Singapore \$S5.50

KK 001-90261-0123  
ISSN 0419-0386



9 770419 038444

01





## **KEMENANGAN GPS DAN IMPLIKASINYA TERHADAP HUBUNGAN PERSEKUTUAN-NEGERI**

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) telah menutup tirainya dan segala teka-teki telah terjawab apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. Pertabalan beliau sebagai Perdana Menteri dimungkinkan oleh sokongan yang diberikan oleh Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan beberapa orang ahli Parlimen yang lain.

**S**ekali lagi, Sabah dan Sarawak menjadi tumpuan kerana kedua-dua negeri berkenaan dilihat sebagai mampu untuk menentukan pihak yang akan berkuasa pada peringkat persekutuan walaupun akhirnya BN yang lebih memainkan peranan sebagai "king maker" dalam menentukan pembentukan "Kerajaan Perpaduan" pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

GPS yang pada mulanya memilih untuk menyokong Perikatan Nasional (PN) pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin akhirnya akur dengan titah Yang di-Pertuan Agong yang menyarankan supaya sebuah Kerajaan Perpaduan dibentuk dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri. Tindakan GPS ini bukanlah sesuatu yang menghairankan. Penulis melihat bahawa tindakan pragmatik yang diambil oleh GPS ini bukan hanya untuk memastikan kelangsungan politik GPS tetapi juga bagi memastikan perjuangan MA63 dapat diteruskan dengan kerjasama yang erat dengan pemimpin politik pada peringkat persekutuan.

Memang sudah dijangka bahawa GPS akan menang selesa di Sarawak. Kemenangan besar GPS pada Pilihan Raya Negeri ke-12 (PRN-12) yang lepas

merupakan pemangkin besar bagi gabungan tersebut untuk mengukuhkan kedudukannya di kerusi Parlimen tradisi oleh gabungan tersebut. GPS menang sebanyak 23 kerusi diikuti oleh DAP sebanyak lima kerusi serta PN dan Parti Bangsa Malaysia (PBM) masing-masing mendapat satu kerusi. Jumlah sebanyak 23 kerusi yang dimenangi oleh GPS menjadikannya sebagai gabungan terbesar di Sarawak berbanding dengan enam kerusi oleh GRS dan Parti Warisan sebanyak tiga kerusi.

Kempen yang dilakukan oleh parti yang bertanding tidaklah sehebat seperti PRN-12 lalu kerana penulis mendapati hanya bendera GPS, DAP dan PSB (Parti Sarawak Bersatu) sahaja yang jelas kelihatan. Calon-calon pula lebih suka memilih cara "walkout" untuk berkempen di kawasan bandar. Tidak banyak ceramah mega yang diadakan seperti kempen sebelumnya. Di kawasan luar bandar pula, kaedah yang digunakan termasuklah ceramah secara kecil-kecilan di rumah panjang. Terdapat juga kebanyakan calon yang menggunakan media sosial seperti WhatsApp untuk berkongsi bahan kempen.

Tema kempen GPS ialah "Menjamin Sarawak Stabil, Maju dan Makmur". Mesej yang dibawa oleh GPS ialah gabungan

tersebut bukan hanya telah berjaya memastikan kestabilan politik di Sarawak, malah perlu melaksanakan MA63 bagi mengembalikan hak-hak masyarakat Sarawak dalam Perlembagaan Malaysia. DAP pula tidak berganjak daripada slogan "Ubah" yang sudah sinonim dengan parti tersebut. Parti lain seperti PSB berjanji untuk menyelesaikan masalah inflasi dan menghapuskan rasuah. PSB juga bertekad untuk membantu meringankan beban ekonomi yang dihadapi oleh rakyat.

Keputusan PRU-15 di Sarawak memang sudah dijangka. Namun begitu, yang menjadi perhatian kebanyakan penganalisis melibatkan jumlah kerusi yang mampu dimenangi oleh GPS sama ada gabungan tersebut mampu untuk merampas kembali kerusi yang dimenangi oleh pembangkang pada tahun 2018.

Jika diteliti kebanyakan kerusi yang dimenangi oleh GPS adalah di kawasan luar bandar yang diidami oleh masyarakat Melayu/Melanau dan Dayak. Kedua-dua kumpulan etnik ini merupakan penyokong kuat GPS sejak dahulu lagi. Bagi kebanyakan masyarakat Melayu/Melanau dan Dayak, bantuan ekonomi

dari padanya kerajaan adalah penting bagi memastikan kelangsungan kehidupan ekonomi sehari-hari mereka.

GPS mempunyai kelebihan untuk meneruskan sokongan di kalangan pengundi Melayu/Melanau dan Dayak kerana kuasa "incumbency" yang ada pada gabungan tersebut digunakan sepenuhnya untuk memajukan pembangunan ekonomi masyarakat di pedalaman.

Sarawak juga masih memerlukan pembangunan infrastruktur asas bagi memajukan pembangunan ekonomi negeri tersebut. Oleh sebab itu, banyak dana disalurkan di kawasan luar bandar bagi membolehkan masyarakat pedalaman menikmati kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya.

GPS yang sudah cukup sinonim dengan "politik pembangunan" ini bukan sahaja popular kerana telah berjaya membawa pembangunan yang diperlukan untuk memajukan masyarakat luar bandar tetapi juga kerana usahanya dalam melaksanakan MA63 secara sistematis. Ini sedikit sebanyak telah menaikkan keyakinan pengundi bahawa GPS benar-benar serius dalam melaksanakan MA63 di Sarawak. Apatah lagi usaha untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Sarawak sebagai sebuah "Borneo State" dan mengangkat status MA63 sebagai dokumen penting dalam Perlembagaan Persekutuan digembleng oleh Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Ahli Parlimen GPS, dalam kapasiti beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) sebelum ini.

Ketidaaan barisan pembangkang yang utuh juga telah memastikan kemenangan besar kepada GPS. DAP hanya menang lima kerusi sahaja yang rata-ratanya adalah kerusi majoriti etnik Cina di kawasan bandar. Walaupun begitu, undi popular yang diperoleh oleh DAP di Miri, Bandar Kuching, Stampin, Lanang dan Sibu telah merosot dengan signifikan. Keadaan ini menunjukkan bahawa segelintir pengundi Cina telah mengalihkan sokongan kepada parti lain seperti komponen GPS

iaitu SUPP. Walaupun GPS gagal untuk menawan semula Mas Gading daripada DAP namun gabungan tersebut berjaya untuk merampas semula Selangau yang disandang oleh bekas Ketua PKR Sarawak, Baru Bian.

Parti lain seperti PKR, PN, dan PBM hanya mampu memenangi satu kerusi. PSB yang merupakan pesaing terdekat GPS semasa PRN-12 yang lepas tidak berjaya memenangi sebarang kerusi. Presidennya Wong Soon Koh yang bertanding di Sibu hanya mendapat 11.128 undi atau 11 peratus daripada keseluruhan undi berbanding dengan Clarence Ting dari SUPP (Sarawak United People's Party) (23.527 atau 22 peratus) dan Oscar Ling dari DAP (31.287 atau 30 peratus). Ada yang berpendapat bahawa kemenangan PN di Saratok akan membuka laluan kepada PN untuk bertapak di Sarawak walaupun kemenangan Ali Biju di kawasan tersebut adalah kerana faktor personaliti dan bukan parti. Bagi Larry Sng yang menang di Julau di bawah tiket PBM pula, beliau akan berhadapan dengan tugas getir untuk memastikan kerelevan PBM di Sarawak kerana parti tersebut dianggap masih baru.

Apakah implikasi kemenangan selesa GPS ini kepada politik Sarawak dan negara secara umum? Kemenangan GPS di Sarawak mengukuhkan lagi pengaruh dan dominasi gabungan politik tersebut dan menguatkan kedudukan GPS sebagai parti pilihan oleh masyarakat Melayu/Melanau dan Dayak di kawasan luar bandar. Keputusan PRU-15 di Sarawak juga menunjukkan bahawa masyarakat Cina terutamanya yang tinggal di kawasan bandar masih lagi menaruh harapan kepada DAP untuk mewakili mereka. Segelintir pengundi Cina berpendapat bahawa GPS tidak boleh dibiar untuk mentadbir negeri Sarawak secara dominan dan perlunya sebuah parti pembangkang untuk memainkan peranan semak dan imbang.

Pada peringkat nasional, sebanyak 23 kerusi yang dimenangi oleh GPS

meletakkan gabungan tersebut sebagai blok politik terbesar di Sarawak. Kedudukan GPS ini membolehkan parti tersebut untuk menguatkan representasinya di kabinet persekutuan yang dibentuk oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Selain daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan portfolio Menteri Perladangan dan Komoditi, jawatan menteri lain yang diberikan kepada pemimpin GPS ialah Menteri Kerja Raya, Menteri Pelancongan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Menteri Perpaduan Negara.

Namun begitu, keputusan GPS untuk menyokong Kerajaan Perpaduan yang ketuai oleh PH pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada peringkat persekutuan meletakkan GPS pada kedudukan yang agak janggal di Sarawak kerana GPS dan DAP yang merupakan parti komponen PH pada peringkat nasional sudah sekian lama berseteru dalam kancang politik lokal. Walaupun DAP melalui Setiausaha Agong, Anthony Loke telah mengorak langkah untuk memohon maaf kepada GPS, namun pemimpin DAP Sarawak kelihatan tidak bersungguh-sungguh untuk berbaik-baik dengan GPS.

Apakah kesan penjajaran politik pada peringkat nasional ke atas negeri Sarawak? Adakah Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim akan membantu untuk menghidupkan PH di Sarawak. Adakah GPS yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg akan membentarkan PH untuk menyebarkan pengaruhnya di Sarawak dan bertanding pada PRN yang akan datang?

Hal ini merupakan antara cabaran yang akan ditempuh oleh pemimpin GPS pada kala Dato' Seri Anwar Ibrahim mula mengukuhkan kedudukannya pada peringkat nasional. Yang pasti, keadaan politik di Sabah dan Sarawak tidak akan sama lagi. Walaupun sebelum ini politik Sabah sudah agak "terbuka" dengan pelibatan dan campur tangan daripada parti dan pemimpin dari Semenanjung, politik Sarawak yang dianggap masih "tertutup" itu sudah pasti akan perlambahan terbuka seiring dengan senario politik semasa. PKR dan DAP di Sarawak sudah tentu akan menggunakan pengaruh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menguatkan jentera parti di Sarawak dan melahirkan pemimpin-pemimpin tempatan baharu.

**Dr. Arnold Puyok**, Timbalan Dekan/Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak.



GPS merupakan gabungan blok politik terbesar di Sarawak.